



REUTERS

SEJUMLAH orang menggunakan pelampung dan perahu di sebuah kawasan banjir di Ayutthaya, Thailand semalam.

cosmo 11/10/2011 MS 47.

Banjir ragut ratusan nyawa di Asia Tenggara

BANGKOK - Banjir besar telah menyebabkan 500 orang mati di Thailand, Kemboja dan Vietnam, kata beberapa pegawai semalam.

Di **Thailand**, angka kematian meningkat kepada 269 orang manakala ribuan askar melakukan operasi bantuan di kawasan yang teruk terjejas.

Perdana Menteri Thailand, Yingluck Shinawatra berkata, situasi di nega-

ranya berada dalam kawalan.

Usaha-usaha sedang dilakukan bagi menghalang banjir melimpah di kawasan rendah di Bangkok yang menjadi tempat tinggal 12 juta orang.

Beg-beg pasir diletakkan di sepanjang Sungai Chao Phraya di sini.

"Kami yakin, Bangkok masih berada dalam kawalan. Situasi kini adalah normal," kata seorang pegawai di Pen-

tadbiran Metropolitan Bangkok.

Di **Kemboja**, angka kematian meningkat kepada 207 orang termasuk 83 kanak-kanak, kata seorang pegawai bencana.

Seramai 24 kematian dilaporkan di **Vietnam** akibat banjir di Delta Mekong.

Sejumlah besar tanaman padi musnah kerana banjir. - AFP